

27/11/1999

Petikan

"PENDEKATAN yang digunakan Pas, Keadilan, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) ialah berbohong dan memfitnah, termasuk mendakwa kerajaan mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel." - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Terengganu, semalam.

\* "SAYA tidak rela lagi dijadikan kuda tunggangan DAP kerana apa yang saya bantu parti itu selama ini sia-sia saja." - Abdul Rahman Manaf, calon DAP kerusi Parlimen Nibong Tebal yang mengumumkan keluar parti itu dan bertanding sebagai calon bebas.

\* "SAYA berkali-kali meminta dan menjerit supaya pintu pagar pusat berkenaan dibuka, tetapi tidak dihiraukan sesiapa." - P Raveentharan, ketika membuat aduan rasmi kepada ibu pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di Kuala Lumpur bahawa beliau gagal menghantar borang pencalonan bagi bertanding sebagai calon bebas menentang Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, di Sungai Siput.

\* "KEMPEN pilihan raya kali ini cukup dahsyat, malah orang yang mengaku ulama juga berceramah mengikut nafsu. Hal seperti ini tidak sepatutnya berlaku dan ulama perlu memainkan tanggungjawab menyampaikan dakwah dan tidak mencampuri politik." - penerima Anugerah Zaaba, Datuk Abdul Aziz Ahmad atau Aziz Antara mengenai aliran kempen politik sekarang.

\* "MALAH, amat dikesali, dengan hanya RM1.30, maruah bangsa dapat digadai oleh Harakah dengan membuat dakwaan melulu tanpa sebarang penyelidikan terperinci." - Pengawai Kawalan Kredit Pengurusan Eco-Transit (M) Sdn Bhd, Jamaluddin Nasir berhubung laporan lidah rasmi Pas itu kononnya segelintir pemandu syarikat itu tidak puas hati dengan pengurusan.

(END)